



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# GARIS PANDUAN PENILAIAN SISTEM KREDIT

ANGGOTA SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dibangunkan pada tahun 2007 oleh Unit Pembangunan Kurikulum, Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Seterusnya dipinda bermula pada tahun 2009 oleh Unit Peperiksaan dan Pensijilan, Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Edisi Pertama; Disember 2007  
Edisi Kedua; September 2009  
Edisi Ketiga; November 2011

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mana-mana bahagian daripada penerbitan ini disalin, diedarkan atau dipindahkan dengan sebarang maksud termasuk fotokopi, merakam atau dengan sebarang kaedah elektronik atau kaedah mekanikal tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

1.0	<b>TUJUAN</b> .....	1
2.0	<b>PENGENALAN</b> .....	1
2.1	Jenis Kursus Yang Menggunakan Sistem Kredit .....	1
2.2	Tempoh Pengajian .....	2
2.3	Struktur Semester .....	2
3.0	<b>TAKRIFAN</b> .....	3
3.1	Kredit .....	3
3.2	Pengkelasan Subjek .....	4
3.3	Kod Kursus .....	4
4.0	<b>KONSEP PENILAIAN</b> .....	5
4.1	Kelebihan Sistem Penilaian Berasaskan PNGK .....	5
5.0	<b>SISTEM DAN KAEDAH PENILAIAN</b> .....	5
5.1	Penilaian Formatif .....	5
5.2	Penilaian Sumatif .....	5
5.3	Peruntukan Masa .....	6
5.4	Pemarkahan Peperiksaan Akhir Semester (Pertama) .....	7
5.5	Pemarkahan Peperiksaan Akhir Semester (Ulangan dan Viva) .....	7
6.0	<b>SISTEM PENGGREDAN</b> .....	8
6.1	Gred dan Nilai Gred .....	8
6.2	PNGS dan PNGK .....	9
7.0	<b>KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN</b> .....	10
7.1	Syarat-Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan .....	10
7.2	Calon Yang Gagal Memenuhi Syarat .....	10
7.3	Penangguhan Menduduki Peperiksaan .....	10
7.4	Pengesahan Kelayakan .....	11
7.5	Keputusan Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan .....	11
8.0	<b>KEPUTUSAN PEPERIKSAAN</b> .....	11
8.1	Taraf Lulus .....	11
8.2	Taraf Gagal .....	11
9.0	<b>PEPERIKSAAN ULANGAN</b> .....	12
9.1	Peperiksaan Ulangan .....	12
10.0	<b>PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN</b> .....	12

11.0	<b>MENYEMAK KEPUTUSAN</b> .....	12
11.1	Rayuan Menyemak Semula Keputusan Peperiksaan .....	12
12.0	<b>KELAYAKAN MENERUSKAN PENGAJIAN</b> .....	13
12.1	Lulus Peperiksaan .....	13
12.2	Ujian Lisan / Viva.....	13
13.0	<b>MENGULANGI SEMESTER</b> .....	13
13.1	Mengulangi Semester Tanpa Rayuan .....	13
13.2	Mengulangi Semester Secara Rayuan.....	14
13.3	Tidak Layak Mengulangi Semester Dan Ditamatkan Latihan .....	14
14.0	<b>PENGANUGERAHAN SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN</b> .....	14
14.2	Pengesahan Sijil / Diploma / Diploma Lanjutan.....	14
14.3	Slip Keputusan Peperiksaan.....	14
14.4	Pengeluaran Transkrip / Sijil / Diploma / Diploma Lanjutan .....	14
14.5	Ciri-Ciri Keselamatan Transkrip / Sijil / Diploma / Diploma Lanjutan .....	15

**PENGESAHAN PINDAAN  
GARIS PANDUAN PENILAIAN SISTEM KREDIT  
ANGGOTA SAINS KESIHATAN BERSEKUTU  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Tujuan**

Semakan semula dan pindaan ini bertujuan untuk memantapkan lagi sistem pentaksiran dan penilaian yang diguna pakai selaras dengan perubahan semasa dan keperluan masa hadapan.

**Latar Belakang**

Garis panduan pertama telah diterbitkan pada Disember 2007 dan kedua pada September 2009. Pindaan-pindaan yang telah dilakukan ke atas Garis Panduan Penilaian Sistem Kredit tersebut selaras dengan hasil kajian dan maklum balas daripada semua pihak.

**Pindaan**

Pindaan terhadap Garis Panduan Penilaian Sistem Kredit telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pendidikan, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 8 Julai 2011.

**Tarikh Kuatkuasa**

Dengan berkuatkuasanya pemakaian Garis Panduan Penilaian Sistem Kredit pindaan 2011 pada 1 November 2011, maka semua peraturan pentaksiran dan penilaian yang terdahulu dengan sendirinya adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**DATO' ABU BAKAR BIN OTHMAN**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Latihan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh : 23 September 2011

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan peraturan dan tafsiran semua aspek pengurusan sistem penilaian bagi semua kurikulum latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menggunakan sistem kredit.

## 2.0 PENGENALAN

Sistem kredit ini digunakan untuk kursus peringkat Sijil (2 hingga 2½ tahun), kursus peringkat Diploma (3 tahun) dan kursus peringkat Diploma Lanjutan (1 tahun). Kursus-kursus ini direkabentuk menggunakan sistem semester yang merangkumi dua semester setahun. Setiap semester mempunyai fasa pengajaran dan pembelajaran serta fasa klinikal / praktikal mengikut ketetapan kurikulum latihan disiplin berkaitan.

### 2.1 Jenis Kursus Yang Menggunakan Sistem Kredit

Kursus-kursus yang menggunakan penilaian sistem kredit ialah seperti berikut:

#### 2.1.1 Kursus Peringkat Diploma Lanjutan

2.1.1.1 Semua kursus Diploma Lanjutan

#### 2.1.2 Kursus Peringkat Diploma

2.1.2.1 Jurupulih Perubatan Anggota (Fisioterapi)

2.1.2.2 Jurupulih Perubatan Carakerja

2.1.2.3 Kesihatan Persekitaran

2.1.2.4 Radiografi

2.1.2.5 Radioterapi

2.1.2.6 Kejururawatan

2.1.2.7 Pembantu Perubatan

2.1.2.8 Teknologi Makmal Perubatan

2.1.2.9 Farmasi

2.1.2.10 Kejururawatan Pergigian

2.1.2.11 Teknologi Pergigian

#### 2.1.3 Kursus Peringkat Sijil

2.1.3.1 Pembantu Kesihatan Awam

## 2.2 Tempoh Pengajian

Peringkat Kursus	Tempoh Kursus	
	Minimum	Maksimum
Diploma Lanjutan	1 tahun (2 semester)	2 tahun (4 semester)
Diploma	3 tahun (6 semester)	4 tahun (8 semester)
Sijil	2 tahun (4 semester)	3 tahun (6 semester)

## 2.3 Struktur Semester

### 2.3.1 Diploma

Sistem semester menggunakan pendekatan 16 minggu pengajian dan 4 minggu peperiksaan dalam satu semester. Minggu orientasi tidak termasuk dalam sesi pengajian. Pecahan setiap semester adalah seperti berikut:

Aktiviti	Tempoh (Minggu)
Minggu orientasi	1
Fasa pengajaran dan pembelajaran	8
Cuti pertengahan semester	1
Fasa pengajaran dan pembelajaran	8
Peperiksaan akhir semester	4
Cuti akhir semester (penempatan elektif)	4
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>

### 2.3.2 Diploma Lanjutan

Aktiviti	Tempoh (Minggu)
Minggu orientasi	1
Fasa pengajaran dan pembelajaran	9
Cuti pertengahan semester	1
Fasa pengajaran dan pembelajaran	10
Projek	2
Peperiksaan akhir semester	2
Cuti akhir semester (penempatan elektif)	1
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>

Walau bagaimanapun, struktur semester sebenar adalah mengikut disiplin berkaitan.

## 3.0 TAKRIFAN

### 3.1 Kredit

Setiap aktiviti kursus diberi nilai **kredit**. Kredit yang diberi adalah berdasarkan skop kurikulum dan beban kerja pelatih dalam kursus yang berkenaan. Nilai kredit untuk aktiviti-aktiviti kursus adalah seperti berikut:

#### 3.1.1 Diploma / Sijil

Aktiviti	Nilai Kredit
Kuliah	1 kredit adalah 1 jam kuliah seminggu selama 16 minggu. (16 jam kuliah = 1 kredit)
Amali	1 kredit adalah 2 jam amali seminggu selama 16 minggu. (32 jam amali = 1 kredit)
Tutorial	1 kredit adalah 1½ jam tutorial seminggu selama 16 minggu. (24 jam tutorial = 1 kredit)
Latihan Klinikal	1 kredit adalah latihan klinikal 8 jam sehari selama 2 minggu. (80 jam latihan klinikal = 1 kredit)



### 3.1.2 Diploma Lanjutan

Aktiviti	Nilai Kredit
Kuliah	1 kredit adalah 40 jam kuliah.
Amali	1 kredit adalah 40 jam amali.
Tutorial	1 kredit adalah 40 jam tutorial.
Latihan Klinikal	1 kredit adalah 80 jam latihan amali.
<i>Student's Learning Time</i> (SLT)	1 kredit adalah 40 jam pembelajaran sendiri.

Walau bagaimanapun, nilai kredit sebenar adalah mengikut disiplin berkaitan.

### 3.2 Pengkelasan Subjek

Subjek yang diambil dikelaskan mengikut kod kursus yang terdapat di dalam kurikulum disiplin berkaitan:

- 3.2.1 **Major** - subjek teras yang wajib diambil dan dikira nilai gred.
- 3.2.2 **Minor** - subjek sokongan yang wajib diambil dan dikira nilai gred.
- 3.2.3 **Wajib** - subjek yang wajib diambil tetapi tidak dikira nilai gred.
- 3.2.4 **Elektif** - subjek pilihan yang wajib diambil tetapi tidak dikira nilai gred.

### 3.3 Kod Kursus

Setiap kursus mempunyai kod kursus yang terdiri daripada empat huruf dan empat angka.

#### Contoh: KPMA 1113

- KP - Kesihatan Persekitaran (Program / Disiplin)
- MA - Matematik Asas (Subjek)
- 1 - Tahun (1, 2, 3)
- 1 - Semester (I, II)
- 1 - Taraf Kod Kursus (Major 1, Minor 2, Wajib 3, Elektif 4)
- 3 - Nilai Kredit

## 4.0 KONSEP PENILAIAN

Sistem penilaian berasaskan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dilaksanakan bagi mewujudkan satu mekanisma untuk menilai pengetahuan, kemahiran dan sikap pelatih melalui proses yang berterusan dalam membentuk Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) yang kompeten dan efisien seiring dengan Visi dan Misi Kementerian Kesihatan Malaysia.

### 4.1 Kelebihan Sistem Penilaian Berasaskan PNGK

- 4.1.1 Menilai pencapaian pelatih.
- 4.1.2 Menilai keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran.
- 4.1.3 Pengiktirafan kepada usaha pengajaran dan pembelajaran.
- 4.1.4 Mematuhi sistem nilai kredit yang digunakan oleh semua institusi pengajian tinggi.
- 4.1.5 Membolehkan pemindahan kredit untuk pengajian tinggi selanjutnya.
- 4.1.6 Memastikan kesinambungan pembangunan kurikulum dengan pemindahan dan penambahan nilai kredit.
- 4.1.7 Memastikan pengiktirafan antarabangsa.

## 5.0 SISTEM DAN KAEDAH PENILAIAN

Sistem penilaian boleh diklasifikasikan kepada penilaian formatif dan penilaian sumatif. Pelbagai kaedah penilaian digunakan untuk menilai pelatih dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Pelatih dinilai di sepanjang kursus sama ada dengan tujuan untuk mengenalpasti kelemahan pelatih dan mengusahakan aktiviti-aktiviti penambahbaikan (pemulihan) atau untuk perakuan.

### 5.1 Penilaian Formatif

Penilaian formatif adalah kaedah penilaian berterusan yang dilaksanakan semasa pengajaran-pembelajaran untuk tujuan mendiagnos keberkesanan serta kelemahan pengajaran dan pembelajaran. Contoh, memberikan ujian MCQ, SEQ atau *assignment* selepas kuliah atau semasa tutorial. Markah diberi untuk tujuan diagnosis, tetapi tidak menyumbang kepada gred Peperiksaan Semester.

Penilaian formatif diteruskan sebagai kaedah menilai kefahaman / penguasaan pelajar terhadap topik-topik yang diajar. Audit pelaksanaan penilaian formatif akan dijalankan oleh Unit Peperiksaan dan Pensijilan semasa lawatan naziran.

### 5.2 Penilaian Sumatif

#### 5.2.1 Peperiksaan Pertengahan Semester

Peperiksaan Pertengahan Semester merangkumi topik-topik yang telah dipelajari sehingga minggu ke-11. Tiada Peperiksaan Pertengahan Semester bagi kursus Diploma Lanjutan.

**Teori** (wajaran markah 15 peratus) bermula pada minggu ke-12 setiap semester. Peperiksaan tersebut mengandungi soalan-soalan MCQ respons tunggal serta soalan-soalan MEQ dan SEQ. **Tiada peperiksaan ulangan untuk Peperiksaan Pertengahan Semester.**

**Structured assessment / course work** (wajaran markah 10 peratus) merupakan penilaian-penilaian berterusan yang dilaksanakan di peringkat ILKKM. Pembentangan kes, perbincangan kajian kes, amali, tugasan (*assignment*) individu

dan kumpulan dan sebagainya boleh dikategorikan dalam kaedah ini. Penilaian *psychomotor domain* adalah Peperiksaan OSCE / OSPE / amali digalakkan sebagai memberi pengalaman kepada pelatih sebelum menghadapi Peperiksaan Akhir Semester.

**Penilaian *affective domain*** (wajaran markah 5 peratus) diberikan untuk menilai sikap (*attitude*), komunikasi serta minat pelatih.

### 5.2.2 Peperiksaan Akhir Semester

Struktur penilaian pertengahan dan akhir semester adalah berdasarkan kod kursus dan jam kredit yang ditetapkan bagi setiap semester. **Peperiksaan Akhir Semester** dijalankan dalam tempoh empat minggu (Peperiksaan Pertama dan Peperiksaan Ulangan) mengikut panduan penilaian disiplin kursus berkaitan. Ia bertujuan menilai kefahaman dan keterampilan pelatih dalam keseluruhan kursus.

Peperiksaan Viva dijalankan untuk calon-calon yang gagal Peperiksaan Ulangan.

Bagi **peringkat Sijil dan Diploma**, jumlah markah **Penilaian Sumatif** terdiri daripada 30 peratus wajaran Peperiksaan Pertengahan Semester dan 70 peratus wajaran Peperiksaan Akhir Semester.

Bagi **peringkat Diploma Lanjutan**, jumlah markah **Penilaian Sumatif** terdiri daripada 40 peratus wajaran *Continuous Assessment* dan 60 peratus wajaran Peperiksaan Akhir Semester.

### 5.3 Peruntukan Masa

5.3.1 Jangka masa kertas peperiksaan adalah berdasarkan kepada kredit sesuatu kod kursus seperti berikut:

Kredit	Tempoh Peperiksaan
1	30 hingga 90 minit
2	1 hingga 2 jam
3	2 hingga 3 jam
4	3 jam

5.3.2 Peruntukan masa yang diberi berdasarkan kaedah penilaian adalah seperti berikut:

Kaedah Penilaian	Masa
Soalan objektif (respons tunggal)	1 hingga 1.5 minit / soalan
Soalan objektif (betul / salah)	1.5 hingga 2 minit / soalan
Soalan esei pendek (SEQ)	10 hingga 15 minit / soalan
Soalan esei panjang (MEQ)	30 minit / soalan (Sijil / Diploma) 45 minit / soalan (Diploma Lanjutan)
OSCE / OSPE / <i>Spot Test</i>	3 hingga 15 minit / stesen
Amali	1.5 hingga 2 jam

#### 5.4 Pemarkahan Peperiksaan Akhir Semester (Pertama)

- 5.4.1 Penilaian MCQ peringkat Sijil dan Diploma menggunakan kaedah respons tunggal **tanpa penolakan markah bagi setiap respons yang salah atau tidak dijawab.**
- 5.4.2 Penilaian MCQ peringkat Diploma Lanjutan menggunakan kaedah **betul / salah** dengan **penolakan satu markah dilaksanakan bagi setiap jawapan yang salah.**

#### 5.5 Pemarkahan Peperiksaan Akhir Semester (Ulangan dan Viva)

- 5.5.1 Pelatih yang lulus Peperiksaan Akhir Semester Ulangan dan Viva bagi kod-kod kursus berkaitan akan diberi markah LULUS atau gred C (nilai gred 2.00).
- 5.5.2 Bagi kertas projek / tugas / amali yang digredkan GAGAL, pelatih diwajibkan mengulangi kertas projek / tugas / amali tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pelatih yang lulus ulangan kertas projek / tugas / amali hanya layak diberi markah LULUS atau gred C (nilai gred 2.00).

## 6.0 SISTEM PENGGREDAN

Sistem penggredan peperiksaan dalam setiap semester mengambil kira markah Peperiksaan Pertengahan Semester (30 peratus) dan Peperiksaan Akhir Semester (70 peratus) untuk dijadikan jumlah 100 peratus bagi menentukan gred dan nilai gred.

Bagi Peperiksaan Akhir Semester Ulangan, calon hanya perlu mengulangi Peperiksaan Akhir Semester (70 peratus). Peperiksaan Pertengahan Semester (30 peratus) tidak perlu diulang dan markah Peperiksaan Pertengahan Semester diambilkira bagi tujuan penggredan kod kursus berkenaan.

Pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) adalah berasaskan keputusan pemarkahan bagi semua kod kursus yang ditetapkan dalam kurikulum disiplin berkenaan.

### 6.1 Gred dan Nilai Gred

- 6.1.1 Pemberian nilai gred bagi setiap semester merangkumi Peperiksaan Pertengahan Semester dan Peperiksaan Akhir Semester.
- 6.1.2 Bagi kod kursus tanpa nilai gred, penilaian adalah berdasarkan kepada kerja kursus yang tidak diberi nilai gred. Keputusan hanya dicatat sebagai LULUS atau GAGAL. Ini tertakluk kepada keperluan kurikulum berkaitan.
- 6.1.3 Gred dan nilai gred yang ditetapkan untuk sesuatu kod kursus adalah seperti berikut:

Markah	Gred	Nilai Gred	Taraf
≥ 80	A	4.00	Cemerlang
75 - 79	A-	3.67	Cemerlang
70 - 74	B+	3.33	Kepujian
65 - 69	B	3.00	Kepujian
60 - 64	B-	2.67	Kepujian
55 - 59	C+	2.33	Lulus
50 - 54	C	2.00	Lulus
45 - 49	C-	1.67	Gagal
40 - 44	D+	1.33	Gagal
35 - 39	D	1.00	Gagal
< 35	E	0.00	Gagal

- 6.1.4 Keputusan bagi kod kursus tanpa nilai gred:

#### 6.1.4.1 Lulus atau Gagal

Keputusan bagi kod kursus tanpa nilai gred hanya akan dicatat LULUS atau GAGAL sahaja.

Bagi tugas / projek (Peperiksaan Akhir Semester) yang diserahkan melewati tarikh yang ditetapkan akan digredkan sebagai GAGAL **kecuali**

**atas sebab-sebab munasabah** yang diluluskan oleh Jawatan Kuasa Peperiksaan, Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM.

## 6.2 PNGS dan PNGK

PNGS dan PNGK ditentukan mengikut kaedah di bawah:

### 6.2.1 Purata Nilai Gred Semester (PNGS)

$$\text{PNGS} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred (Nilai Gred x Kredit)}}{\text{Jumlah Kredit}}$$

Contoh: Tahun 1 Semester I

Kod Kursus	Gred	Nilai Gred	Kredit	Nilai Gred X Kredit
XASS 1113	A	4.00	3	12.00
XAKL 1113	B+	3.33	3	9.99
XAKK 1113	A-	3.67	3	11.01
XAJJ 1112	E	0.00	2	0.00
XACC 1122	D	1.00	2	2.00
Jumlah			13	35.00

$$\text{PNGS Tahun 1 Semester I} = \frac{35.00}{13} = 2.69$$

### 6.2.2 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

PNGK = Jumlah nilai gred dibahagikan dengan jumlah kredit untuk semua kod kursus.

Contoh: Tahun 1 Semester II

Kod Kursus	Gred	Nilai Gred	Kredit	Nilai Gred X Kredit
XAFZ 1213	A	4.00	3	12.00
XAMA 1213	B+	3.33	3	9.99
XAKM 1223	C+	2.33	3	6.99
XAJB 1223	A	4.00	3	12.00
XACD 1212	D	1.00	2	2.00
JUMLAH PNGS Tahun 1 Semester II			14	42.98
Jumlah PNGK = PNGS T1SI + PNGS T1SII			13 + 14 = 27	35.00 + 42.98 = 77.98

$$\text{PNGK Tahun 1 Semester II} = \frac{77.98}{27} = 2.89$$

Bagi kod kursus Peperiksaan Ulangan, calon hanya diberikan gred C (nilai gred 2.00) dan gred berkenaan diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.

## 7.0 KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Calon perlu memenuhi syarat-syarat berikut sebelum dibenarkan menduduki mana-mana Peperiksaan Akhir Semester.

### 7.1 Syarat-Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan

- 7.1.1 Melaksana dengan memuaskan 100 peratus Rekod Praktis Klinikal yang dijadualkan (tertakluk kepada disiplin berkaitan).
- 7.1.2 Mencapai kehadiran 100 peratus di penempatan klinikal dan kehadiran 85 peratus sesi teori sepanjang tempoh pengajian bagi setiap kod kursus pada setiap semester.
- 7.1.3 Mencapai laporan prestasi pada skala 3 hingga 5 bagi setiap aspek yang dinilai di akhir penempatan klinikal / amali.
- 7.1.4 Menduduki Peperiksaan Pertengahan Semester.
- 7.1.5 Bebas dari sebarang tindakan tatatertib semasa latihan.
- 7.1.6 Diluluskan oleh Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan peringkat Institusi Latihan KKM (ILKKM) dan disahkan oleh Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan peringkat BPL.

### 7.2 Calon Yang Gagal Memenuhi Syarat

Calon yang gagal memenuhi syarat kelayakan menduduki Peperiksaan Akhir Semester dikehendaki mengulangi keseluruhan semester pengajian tersebut.

### 7.3 Penangguhan Menduduki Peperiksaan

Pertimbangan bagi penangguhan peperiksaan:

- 7.3.1 Calon yang tidak dapat menduduki Peperiksaan Akhir Semester atas sebab kecemasan semasa hari peperiksaan boleh dipertimbangkan bagi penangguhan menduduki peperiksaan oleh Pengarah ILKKM berkenaan setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan peringkat BPL. Calon akan dibenarkan menduduki peperiksaan pada masa yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan peringkat BPL.
- 7.3.2 Penangguhan atas sebab kesihatan semasa hari peperiksaan hendaklah disertakan dengan pengesahan **pengamal perubatan Kerajaan** yang merawat calon berkenaan dan calon ini boleh dipertimbangkan untuk menduduki peperiksaan berasingan setelah diluluskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan peringkat BPL.
- 7.3.3 Penangguhan atas sebab lain hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan peringkat BPL oleh Pengarah ILKKM untuk dipertimbangkan.

## 7.4 Pengesahan Kelayakan

Pengesahan kelayakan calon-calon untuk menduduki Peperiksaan Akhir Semester perlu dilaksanakan satu minggu sebelum tarikh peperiksaan berkenaan.

### 7.4.1 Calon-Calon Semester Yang Memenuhi Syarat-Syarat Kelayakan

Bagi calon-calon sesuatu semester yang memenuhi syarat-syarat kelayakan, kelulusan kelayakan boleh dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan peringkat ILKMM dan seterusnya di peringkat Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan BPL untuk kelulusan dan pengesahan melalui borang **Lampiran 1 (BPL-KELAYAKAN-01)**.

7.4.2 Senarai nama calon-calon yang layak / tidak layak perlu dipamerkan di ILKMM sebelum tarikh peperiksaan berkenaan melalui **Lampiran 2 (BPL-LAYAK-02)** dan **Lampiran 3 (BPL-TIDAK LAYAK-03)**.

7.4.3 Markah terperinci Peperiksaan Pertengahan Semester yang perlu diperakukan oleh Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan peringkat ILKMM melalui **Lampiran 4 (BPL-KEPUTUSAN PPS-04)**.

## 7.5 Keputusan Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan

Keputusan Jawatankuasa Kelayakan Menduduki Peperiksaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di atas adalah **muktamad**.

## 8.0 KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

### 8.1 Taraf Lulus

#### 8.1.1 Lulus kod kursus

Calon dianggap lulus kod kursus apabila memperolehi **gred C dan ke atas** atau **nilai gred 2.00 dan ke atas** serta **memperolehi sekurang-kurangnya 50 peratus** daripada markah Penilaian Sumatif mengikut kod kursus.

#### 8.1.2 Lulus peperiksaan

Calon dianggap lulus peperiksaan apabila memperolehi **lulus semua kod kursus**.

### 8.2 Taraf Gagal

#### 8.2.1 Gagal kod kursus

Calon dianggap gagal kod kursus apabila memperolehi **kurang dari gred C** atau **kurang dari nilai gred 2.00** atau memperolehi markah **kurang dari 50 peratus** dalam **Penilaian Sumatif**.

#### 8.2.2 Gagal peperiksaan

Calon dianggap gagal peperiksaan apabila memperolehi **kegagalan dalam mana-mana kod kursus**.



## 9.0 PEPERIKSAAN ULANGAN

### 9.1 Peperiksaan Ulangan

- 9.1.1 Peperiksaan ulangan diadakan untuk calon-calon yang gagal mana-mana kod kursus dalam Peperiksaan Akhir Semester (Pertama).
- 9.1.2 Bagi Tahun 1 Semester I, calon yang memperolehi **PNGS kurang dari 1.00 atau gagal dalam semua kod kursus tidak dibenarkan menduduki peperiksaan ulangan dan akan ditamatkan latihan**. Walaubagaimana pun pertimbangan harus dibuat tertakluk kepada kes-kes tertentu seperti sakit dan sebagainya.

## 10.0 PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

Keputusan Peperiksaan Semester akan diumumkan pada minggu ketiga peperiksaan. Calon yang gagal Peperiksaan Pertama dikehendaki menduduki Peperiksaan Ulangan pada minggu keempat peperiksaan. Keputusan Peperiksaan Ulangan akan diumumkan pada penghujung minggu keempat. Ujian Viva (lisan) untuk calon-calon tertentu akan diadakan pada awal minggu pertama percutian dan keputusan ujian akan diumumkan pada penghujung minggu tersebut.

## 11.0 MENYEMAK KEPUTUSAN

### 11.1 Rayuan Menyemak Semula Keputusan Peperiksaan

- 11.1.1 Rayuan untuk menyemak semula keputusan peperiksaan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan, Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Pengarah ILKKM dalam masa **empat belas** (14) hari selepas pengumuman keputusan peperiksaan. Sebarang rayuan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 11.1.2 Setiap rayuan hendaklah menyatakan kod kursus yang hendak disemak semula.
- 11.1.3 Bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap kod kursus hendaklah disertakan bersama rayuan tersebut. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek berpaling / wang pos berpaling atas nama Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia. Bayaran tidak boleh dituntut balik.
- 11.1.4 Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan, BPL, KKM akan melantik sebuah Panel Pemeriksa (pemeriksa lain) untuk menyemak semula skrip jawapan kod kursus berkenaan.
- 11.1.5 Keputusan yang disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan, BPL, KKM adalah muktamad.

## 12.0 KELAYAKAN MENERUSKAN PENGAJIAN

### 12.1 Lulus Peperiksaan

Calon boleh meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNGS 2.00 atau lebih dengan syarat lulus kesemua kod kursus dalam semester berkenaan.

### 12.2 Ujian Lisan / Viva

#### 12.2.1 Ujian Lisan / Viva (*Borderline*)

Calon yang gagal satu kod kursus setelah Peperiksaan Ulangan dan mendapat gred C- atau nilai gred 1.67, perlu menjalani ujian lisan / Viva bagi kod kursus berkenaan.

Jika calon lulus ujian lisan / Viva beliau akan dianugerahkan gred C atau nilai gred 2.00 sahaja dan boleh meneruskan pengajian ke semester berikutnya. Ujian lisan / Viva ini akan dijalankan sebaik sahaja keputusan peperiksaan ulangan diperolehi. Bagi calon yang gagal ujian lisan / Viva, gred C- akan dikekalkan.

Ujian lisan / Viva ini dibenarkan sepanjang tempoh pengajian dengan syarat calon hanya gagal satu kod kursus dan mendapat gred C- atau nilai gred 1.67 bagi kod kursus berkenaan.

## 13.0 MENGULANGI SEMESTER

### 13.1 Mengulangi Semester Tanpa Rayuan

Calon-calun yang layak mengulangi semester tanpa rayuan adalah seperti berikut:

13.1.1 Calon yang gagal ujian lisan / Viva (*borderline*).

13.1.2 Calon yang gagal satu kod kursus dengan nilai gred kurang dari 1.67 atau memperolehi gred C- ke bawah setelah Peperiksaan Ulangan.

13.1.3 Calon yang gagal dua kod kursus setelah Peperiksaan Ulangan.

Calon-calun di atas akan diberi kertas opsyen / pilihan untuk ditandatangani sama ada ingin mengulangi semester tanpa rayuan atau mengambil pilihan menamatkan latihan.

Calon-calun di atas perlulah bebas daripada apa-apa tindakan tatatertib serta memenuhi syarat-syarat kelayakan menduduki Peperiksaan Akhir Semester.

Calon dibenarkan mengulangi semester tanpa rayuan hanya **sekali** sahaja dari **Tahun 1 Semester I** hingga **Tahun 3 Semester I**. Calon di **Tahun 3 Semester II** dibenarkan mengulangi semester tanpa rayuan sebanyak **dua kali** dengan syarat calon tidak pernah mengulangi semester tanpa rayuan sebelumnya. Jika calon pernah mengulangi semester tanpa rayuan sekali sebelum **Tahun 3 Semester II**, maka calon hanya dibenarkan mengulangi semester tanpa rayuan sekali sahaja di **Tahun 3 Semester II**.

Calon yang sudah kehabisan peluang mengulangi semester tanpa rayuan boleh memohon mengulangi semester secara rayuan dengan syarat tempoh pengajian tidak melebihi 4 tahun.

Peraturan di atas memastikan tempoh pengajian selama 4 tahun yang dibenarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dipatuhi.

### **13.2 Mengulangi Semester Secara Rayuan**

#### **13.2.1 Calon Yang Gagal 3 Kod Kursus Setelah Peperiksaan Ulangan.**

Calon di atas dibenarkan membuat rayuan untuk mengulangi semester dengan syarat calon bebas daripada apa-apa tindakan tatatertib serta memenuhi syarat-syarat kelayakan menduduki Peperiksaan Akhir Semester.

Calon dibenarkan membuat rayuan mengulangi semester **dua kali** sepanjang tempoh pengajian.

Pihak Pengurusan ILKMM perlu menyatakan sokongan atau sebaliknya terhadap rayuan tersebut kepada Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Keputusan rayuan akan dimaklumkan kepada calon-calon oleh BPL melalui Pengarah ILKMM.

### **13.3 Tidak Layak Mengulangi Semester Dan Ditamatkan Latihan**

#### **13.3.1 Calon yang gagal 4 atau lebih kod kursus setelah Peperiksaan Ulangan.**

#### **13.3.2 Calon Tahun 1 Semester I yang mendapat PNGS kurang daripada 1.00 atau gagal semua kod kursus pada Penilaian Sumatif.**

### **14.0 PENGANUGERAHAN SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN**

Calon mesti memenuhi syarat-syarat berikut untuk dianugerahkan Sijil / Diploma / Diploma Lanjutan:

#### **14.1 Kelayakan Dianugerahkan Sijil /Diploma / Diploma Lanjutan**

##### **14.1.1 Mencapai PNGK $\geq$ 2.00.**

##### **14.1.2 Lulus dalam semua kod kursus yang ditetapkan di dalam kurikulum disiplin tersebut.**

#### **14.2 Pengesahan Sijil / Diploma / Diploma Lanjutan**

##### **14.2.1 Dokumen Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan disahkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan dan Setiausaha Bahagian (Pengurusan Latihan), Kementerian Kesihatan Malaysia.**

##### **14.2.2 Dokumen transkrip disahkan oleh Setiausaha Bahagian (Pengurusan Latihan), Kementerian Kesihatan Malaysia.**

#### **14.3 Slip Keputusan Peperiksaan**

Slip keputusan peperiksaan dikeluarkan setelah tamat setiap Penilaian Sumatif. Slip yang dikeluarkan oleh sistem berkomputer tidak memerlukan tandatangan.

#### **14.4 Pengeluaran Transkrip / Sijil / Diploma / Diploma Lanjutan**

Transkrip / Sijil / Diploma / Diploma Lanjutan dikeluarkan oleh Unit Peperiksaan dan Pensijilan, Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **14.5 Ciri-Ciri Keselamatan Transkrip / Sijil / Diploma / Diploma Lanjutan**

Transkrip / Sijil / Diploma / Diploma Lanjutan yang dikeluarkan memenuhi ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan, Jabatan Perdana Menteri.

SALINAN TERKAWAL